

# TADBIRAN

## MYC2C didik pelajar fahami undang-undang

**Putrajaya:** Program dari Mahkamah ke Bilik Darjah (MYC2C) yang bakal bermula awal Jun ini mampu menyuntik semangat cintakan negara dan menghindar jenayah dalam kalangan remaja menerusi kegiatan kokorikulum sekolah.

Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum, berkata program julung kali diadakan itu bertujuan menerapkan ilmu berkaitan undang-undang dalam kalangan pelajar dari peringkat awal.

Katanya, biasanya subjek undang-undang hanya dipelajari di universiti bagi pelajar yang mengambil jurusan undang-undang, namun apabila diperkenalkan pada peringkat sekolah, ia dapat mendidik pelajar dan golongan muda untuk menghormati undang-undang negara ini.

"Golongan muda juga mempunyai hak didedahkan dengan sistem perundangan negara termasuk undang-undang syariah supaya mereka tidak terjebak dengan kesalahan jenayah dan mematuhi prinsip Rukun Negara," katanya selepas melancarkan Program Dari Mahkamah Ke Bilik Darjah (MYC2C) di Sekolah Kebangsaan Presint 8(1) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang), Mohamed Hanipa Maidin dan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, Shaari Osman.

Idea MYC2C dicetuskan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), yang diadakan secara kerjasama dengan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Ia akan diadakan meliputi tiga aspek merangkumi lawatan ke mahkamah, hakim ke sekolah dan peguam muda yang dijalankan oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam serta pejabat pendaftar mahkamah seluruh negara.